

S'wak siap siaga hadapi banjir musim Monsun Timur Laut

MALAYSIA KINI | Diterbitkan 9 Okt 2019, 10:11 malam | Dikemaskini 9 Okt 2019, 10:11 malam



Sarawak siap siaga menghadapi banjir ekoran musim Monsun Timur Laut dengan seramai 14,970 pegawai dan anggota pelbagai agensi keselamatan Sarawak sedia digerakkan, kata Timbalan Ketua Menteri Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata kesemua agensi terlibat terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dari segi logistik, katanya pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) telah menyusun atur sebanyak tiga buah helikopter, lima dron, 211 lori, 500 kenderaan pacuan empat roda, 291 bot dan 111 ambulans.

Selain itu, Uggah yang juga Pengerusi JPBN berkata pihak kerajaan negeri juga telah bersiap sedia dengan 622 pusat pemindahan yang dapat menempatkan seramai 195,825 mangsa.

"JKM negeri turut menyediakan pangkalan hadapan di 16 kawasan iaitu dua di Kuching, Kapit (4), Bintulu (3) dan Miri (7).

"Bagi stor dan depot pula, terdapat tiga kawasan iaitu di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kuching, Samarahan dan Miri," katanya dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat JPBN untuk meneliti persediaan bagi menghadapi musim berkenaan, di Kuching, hari ini.